

22/12/1999

Pas tidak wajar teladani DAP di Parlimen

SUASANA kecoh di Dewan Rakyat dan persidangan tergendala, sudah berkali-kali berlaku. Selain bertikam lidah, tuduh-menuduh dengan penyokong kerajaan, pembangkang kerap bertelagah dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan timbalannya. Panggilan katak, monyet, bodoh dan bermacam-macam lagi termasuk menunjukkan isyarat lucah juga sesuatu yang biasa. Tujuan mereka berperang mulut tidak lain hanya untuk untuk memalukan, menghina Ahli Parlimen kerajaan dan mencabar kuasa Yang Dipertua serta timbalannya. Walaupun loceng terpaksa dibunyikan beberapa kali meminta anggota pembangkang mematuhi peraturan dewan dan penjelasan diberikan, mereka tetap degil untuk melepaskan geram. Ada yang bertindak liar sehingga terpaksa diheret dan digantung keanggotaan. Disebabkan kebiasaannya kekecohan di Dewan Rakyat angkara pembangkang, tentulah banyak peraturan dewan dan tindakan kena pada batang hidung mereka.

Beberapa tahun lalu, seorang bekas Timbalan Yang Dipertua pernah menasihatkan murid sekolah yang mahu menyaksikan persidangan Dewan Rakyat, terlebih dahulu mendapat bimbingan ibu bapa dan guru mengenai apa yang boleh berlaku di situ. Ini bagi mengelak "kejutan budaya" sekiranya timbul kekecohan ketika murid melakukan lawatan. Pernah beberapa murid sekolah rendah dikatakan menangis ketakutan apabila menyaksikan kekecohan yang ditimbulkan pembangkang. Murid itu mungkin memikirkan dia melihat satu pergaduhan, bukan debat oleh kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kekecohan demi kekecohan walaupun sudah berpuluh kali ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat parti pembangkang, rasanya belum pernah dilabelkan oleh pemimpin kerajaan sebagai perbuatan samseng. Barangkali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan perkataan itu kelmarin kerana inilah pengalaman paling buruk pernah dihadapi sehingga memaksa beliau berkata demikian. Perdana Menteri berkata, cara pembangkang mempertikaikan kesahihan persidangan itu adalah tindakan liar "ala samseng".

Seperti kita tahu, pemimpin pembangkang sering menjadikan Dewan Rakyat pentas lakonan mereka untuk menarik perhatian media massa tempatan dan asing. Mereka sanggup melakukan apa sahaja bagi menggambarkan kononnya kerajaan tidak betul. Mereka tidak pernah mahu berfikir bahawa perbuatan ahlinya menimbulkan kekecohan bukan saja merugikan rakyat, masa, wang, kerja tertanggung tetapi mencemarkan amalan demokrasi berparlimen negara ini. Dewan Rakyat adalah sebuah institusi terpenting dalam sistem demokrasi negara dan menjadi lambang kebebasan bersuara. Bagaimanapun, kebebasan itu bukan bermakna ahli Parlimen - tempat bergantung harap rakyat untuk menyuarakan kepentingan mereka - bebas bertindak apa saja termasuk sengaja menimbulkan kekecohan. Apatah lagi memaki-hamun, mengeluarkan kata kesat dan menyentuh soal peribadi seseorang. Barangkali pembangkang sudah menganggap dewan mulia itu pentas pertunjukan atau gelanggang sarkas mereka dan sedia menjadi badut pada bila-bila masa untuk pertunjukan lawak dan menjadi bahan ketawa ramai.

Tindakan terbaru pembangkang itu bukan saja menggambarkan ketidakmatangan mereka sebagai pemimpin rakyat, tetapi juga menjejaskan Dewan Rakyat sebagai institusi mulia. Kita mengharapkan dengan jumlah pembangkang yang semakin ramai kali ini dapat menghasilkan perbahasan lebih bermutu dan pandangan amat bernas demi kebaikan dan kepentingan rakyat. Malangnya, mereka berpakat membuat onar dan kekecohan lebih besar lagi yang jelas tidak memanfaatkan mana-mana lapisan rakyat.

Bagi orang Melayu, kita amat malu tradisi yang diamalkan oleh Ketua

Pembangking dari DAP sebelum ini, diteruskan pula penggantinya. Sewajarnya Datuk Fadzil Noor mengetengahkan kaedah yang berlainan daripada DAP, sekali gus menggambarkan pendekatan Islam yang sering Pas laung-laungkan. Sopan santun dan ketertiban bersidang perlu dijaga. Beliau juga mesti menasihati anak buahnya agar mengawal perasaan dan tidak bertindak melulu termasuk keluar dewan. Tindakan tidak beradab itu akan menjejaskan kewibawaan wakil rakyat pembangking sendiri.

Perbuatan kelmarin jelas dirancang dan ada dalang mengarah lakonan itu. Ia tidak lebih daripada usaha mensabotaj persidangan agar gagal diteruskan. Mereka berharap rakyat akan mencemuh Barisan Nasional (BN) jika rancangan mereka itu berjaya. Pembangking mesti berhenti melakukan ini semua. Kita membuat teguran ini agar sedar bahawa mereka mempunyai peranan lebih penting dan mesti bekerja keras menentukan masa depan pengundi mereka. Bukan sekadar kerap keluar dewan untuk menyatakan bantahan.

(END)